

17/09/1998

Tokoh reformasi Islam patut dicontohi

KUALA TERENGGANU, Rabu - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, perlu mencontohi tokoh reformasi Islam seperti Jamaluddin al-Afghani dan Mohamad Abduh yang melaksanakan reformasi dengan teratur dan berjaya mendamaikan masyarakat.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor, berkata ia berbeza dengan reformasi dilakukan Anwar yang menyebabkan ramai terkeliru.

"Sejarah Islam membuktikan reformasi atau gerakan Islah yang dilakukan beberapa tokoh, termasuk Jamaluddin Al-Afghani dan Mohamad Abduh ialah mendamaikan masyarakat, mewujudkan suasana harmoni dan membantu negara dengan cara teratur.

"Mereka melakukan reformasi masing-masing sesuai dengan kehendak Islam," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan sumbangan derma kepada Dana Khas Negara oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan syarikat swasta di Bilik Gerakan Wisma Darul Iman di sini, hari ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menerima sumbangan itu berjumlah hampir RM400,000. Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Baharuddin Ismail menyampaikan sumbangan bagi pihak kerajaan negeri sebanyak RM100,000.

Sehubungan itu, Dr Yusof meminta masyarakat Islam supaya berpegang kepada konsep reformasi yang dianjurkan Islam bukan menghancurkan rakyat dan negara.

Mengenai kenyataan beberapa tokoh Islam dari luar negara, termasuk Dr Yusof al-Qardawi, beliau berkata masyarakat Islam diharap tidak terkeliru dengan kenyataan itu.

"Saya tidak fikir tokoh Islam seperti Dr Yusof al-Qardawi boleh membuat kenyataan yang boleh memecahkan orang Islam, malah yakin kenyataan itu bukan berdasarkan gambaran sebenar," katanya.

Dr Yusof juga berharap Anwar merujuk kembali kenyataan yang dibuat sebelum ini, terutama pengiktirafannya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianggap 'bapanya' dalam perjuangan.

"Anwar perlu mengambil kira ikrarnya sebelum ini yang pernah menyebut akan membantu menstabilkan ekonomi negara yang sedang diganggu negara asing," katanya.

Menurutnya, komitmen Anwar sebelum ini begitu jelas dan kesungguhan untuk membela negara, agama dan bangsa dan berharap dapat diteruskan.

"Anwar juga wajar memberi nasihat kepada orang yang bersimpati dengannya supaya tidak terbabit dengan gerakan yang boleh mengelirukan rakyat," katanya.

Berhubungan dakwaan Anwar bahawa beliau pemimpin rakyat, Dr Yusof berkata bukan saja Anwar malah semua mereka yang pernah menjadi wakil rakyat adalah pemimpin rakyat.

(END)